


NEGARA BERALIH KE OPERASI PERALIHAN BERMULA 19 NOV

THE COUNTRY SHIFTS TO TRANSITION OPERATION NOV 19

Bermula hari Jumaat, 19 November 2021, Negara Brunei Darussalam akan melaksanakan Operasi Peralihan sebagai sebahagian dari Pelan Kebangsaan Pemulihan Covid-19 dengan pembukaan pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau dan balai-balai ibadat serta tempat awam termasuk kemudahan sukan, tetapi hanya membenarkan mereka yang melengkapkan vaksinasi sepenuhnya untuk datang bekerja atau memasuki premis serta had kapasiti 50%. Para majikan juga dikehendaki menjalankan Ujian Pantas Antigen (ART) setiap dua minggu di pejabat sebagai langkah berjaga-jaga seterusnya selain langkah-langkah sedia ada seperti mengimbas Kod QR BruHealth, memakai sungkup muka, pemeriksaan suhu, sanitasi tangan dan penjarakan fizikal 1.5 meter. Walau bagaimanapun, orang ramai masih perlu kekal di rumah masing-masing pada sebelah malam tetapi dipendekkan dari jam 10.00 malam hingga 4.00 pagi berbanding 8.00 malam hingga 4.00 pagi di bawah Operasi Pulih yang masih dikuatkuasakan sehingga 18 November 2021.

Beginning Friday, 19th November 2021, Brunei Darussalam will move into the Transition Operation of the National Covid 19 Recovery Framework with the opening of government offices, mosques, surau, prayer halls and public places including sport facilities, but allowing only those fully vaccinated to come to work or enter the premises and at 50% capacity limit. Employers are also required to conduct the Antigen Rapid Testing (ART) every two weeks in offices as a further precaution in addition to existing measures like scanning the BruHealth QR Code, wearing of masks, temperature checking, hand sanitising and physical distancing of 1.5 meter. Under the transition phase, the public however is still required to remain at their respective homes in the evening but shortened from 10.00pm to 4.00am compared to the current 8.00pm to 4.00am under Recovery Operation which is still enforced until 18th November 2021.



OPERASI PULIH

Berada di rumah jam 8 malam - 4 pagi

Berakhir
Khamis
18/11/21

OPERASI PERALIHAN

19/11 - 30/11

Berada di rumah dari jam 10 malam - 4 pagi

Pembukaan pejabat-pejabat Kerajaan



Waktu pejabat sementara 8 pagi - 2 petang



Antigen Rapid Test (ART)


Setiap dua minggu



COVID-19

Mesti lengkapi dua dose

Pembukaan masjid, surau dan balai-balai Ibadat



Keramaian dihadkan



Penjarakan fizikal



Perkumpulan di rumah-rumah persendirian



10 ke 30 orang
(tertakluk kepada saiz tempat kediaman)



Pembukaan premis-premis perniagaan



50% Kapasiti / Tidak lebih 200 orang



Mengimbas QR kod Bruhealth



Memakai sungkup muka



Penjarakan Fizikal




Antigen Rapid Test (ART)

Setiap dua minggu



Pembukaan sebahagian sekolah-sekolah



Institusi pengajian tinggi



Sekolah teknikal dan kemahiran



Sekolah memandu



Bagi yang tidak dapat mendapat vaksinasi atas sebab kesihatan (medically-exempted) termasuk kanak-kanak dibawah umur 12 tahun tidak dibenarkan memasuki mengunjungi premis di atas.



Setiap premis yang dibenarkan untuk dibuka semasa Fasa Peralihan ini adalah dikehendaki untuk mematuhi semua garis panduan dan SOP.



Rujukan Kenyataan Media: Pengumuman Fasa Peralihan Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19

PENANAMAN BERMULA BAGI KUMPULAN SETERUSNYA *TRANSPLANTING BEGINS FOR THE NEXT BATCH*

Satu lagi kumpulan pengusaha agro daripada 20 perintis skim pertanian cili yang dimulakan oleh Nexus bersama kedua-dua PDC, Datastream Technology dan Evolve.Me minggu lalu memulakan proses penanaman cili didalam rumah hijau masing-masing. Kerja-kerja penanaman dijalankan dengan bantuan ahli keluarga masing-masing di bawah seliaan kakitangan Superfish Growers Sdn Bhd. Di bawah perjanjian itu, syarikat akan terus menyediakan kepakaran dan sokongan teknikal untuk memastikan pengusaha agro tersebut mempelajari teknik-teknik yang betul untuk menanam cili didalam persekitaran rumah hijau yang terkawal.

The next batch of agropreneurs from among the 20 pioneers of the chilli farming scheme initiated by Nexus jointly with the other two PDCs, Datastream Technology and Evolve.Me began entering their greenhouses last week to begin the transplanting process. They carried out the work with the help of family members under the supervision of Superfish Growers Sdn Bhd own staff. Under the arrangement, the company will continue to provide their expertise and technical support to ensure the agropreneurs learn the right techniques of growing chilli under the controlled environment of their respective greenhouses.



Kerja-kerja penanaman sedang dilaksanakan
Transplanting work in progress



BRUCERT KELUARKAN LEBIH BANYAK NASIHAT *BRUCERT ISSUES MORE ADVISORIES*

Ketika kitani terus bekerja dari rumah sehingga Operasi Peralihan bermula, BruCert terus mengeluarkan beberapa nasihat tentang pentingnya untuk sentiasa berwaspada terhadap penipuan dalam talian. Agensi itu telah menerima beberapa laporan skim pemalsuan yang melibatkan beberapa agensi kerajaan dan swasta. Mengklik URL berniat jahat akan mengarahkan pengguna ke laman yang mungkin membenamkan peranti pengguna. Kesan daripada berbuat demikian boleh mengakibatkan maklumat peribadi dicuri atau dikompromi, kebocoran data dan kecurian identiti.

As we continue to work from home until Transition Operation begins, the Brunei Computer Emergency Response Team (BruCERT) continues to issue advisories on the importance of keeping vigilant against online scams. The agency has received several reports of phishing scam involving government and private sector agencies. Clicking on the malicious URL will direct the user to a phishing site which may embed malware on the user's device. The impact of doing so may result in personal information and credentials be stolen and compromised, data leakage and identity theft.

DON'T GET HOOKED!




3 RULES TO AVOID PHISHING CYBERSECURITY ATTACKS

1. Stop and think before clicking any links or attachments
2. If things look **"PHISHY"** verify with the sender through a different medium
3. When in doubt throw it out/do nothing, you are the last line of defense

AIR ZAM-ZAM KEMBALI LAGI ZAM-ZAM HOLY WATER IS BACK

Air suci Zam-Zam, kembali lagi di Nexus dengan botol kecil 250ml dijual dengan harga \$3.50 satu. Mula diperkenalkan sebagai hadiah perayaan semasa Hari Raya Aidiladha pada bulan Julai tahun ini oleh NexGifts, satu unit di bawah Pembangunan Perniagaan, sambutan daripada kakitangan, ahli keluarga dan orang awam sangat menggalakkan sejak tempahan dibuka pada 4 November. Pasukan NexGifts yang diketuai oleh Hajah Siti Sarawati binti Haji Ahmad sibuk menyediakan tempahan untuk diedarkan kepada para pembeli dengan hari ini merupakan hari terakhir untuk membuat tempahan.

The holy water of Zam-Zam, is back on sale at Nexus with small bottles of 250ml at \$3.50 each. First introduced as festive gifts during the last Hari Raya Aidiladha in July this year by NexGifts, a unit under Business Development, the orders from staff, family members and the general public have been overwhelming since it opened on 4th November. The NexGift team headed by Hajah Siti Sarawati binti Haji Ahmad has been busy packing the orders for distribution with today being the last day for the booking.



Hajah Siti Sarawati dan Rawiyah menyediakan tempahan pelanggan di Annajat
Hajah Siti Sarawati and Rawiyah preparing the customers' order at Annajat